

08 NOV 2001

Mahathir-Buku

DR MAHATHIR TERIMA BUKU FOTO MENGENAI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima satu buku foto mengenai Malaysia yang dihasilkan oleh Francois Walter, seorang ahli perbankan berusia 56 tahun yang berasal dari Belgium.

Dr Mahathir meluangkan masa selama 15 minit bersama Walter yang memperkenalkan dan menyampaikan buku itu kepada beliau di pejabat Perdana Menteri di sini, pagi ini.

Buku setebal 265 muka surat itu mengandungi 240 gambar mengenai Malaysia, penduduknya dan juga pelbagai budaya etnik di negara ini.

Sebanyak 2,000 salinan awal buku itu akan dipasarkan di Belgium dan bahagian-bahagian lain Eropah dengan rancangan untuk terjemahkan buku bahasa Inggeris itu ke bahasa Perancis, Itali, Belanda dan Rusia tidak lama lagi.

Buku itu yang bertema "Malaysia" dibahagikan ke tiga bab - Kuala Lumpur and dan kawasan sekitarnya, pantai timur serta Sabah dan Sarawak.

Semua gambar-gambar itu diambil oleh wartawan foto terkemuka, Yvan Deweerdt.

Semasa bercakap kepada Bernama selepas menemui Dr Mahathir, Walter berkata buku itu adalah bagi mendedahkan Malaysia kepada pelancong khasnya mereka dari Eropah, kerana banyak daripada pelancong tidak tahu mengenai negara ini dan keindahannya.

"Banyak daripada pelancong Eropah mengetepikan Malaysia dan memilih Indonesia, Singapura dan Thailand dan buku ini boleh digunakan sebagai pembuka mata kepada mereka," kata beliau lagi.

Beliau berkata Dr Mahathir menunjukkan minat pada buku itu dan merancang menggunakannya sebagai cenderamata bagi rakan-rakan asing atau apabila beliau pergi ke luar negara untuk menemui pemimpin-pemimpin asing.

"Ini hari yang bermakna bagi saya kerana saya mendapat peluang untuk bertemu dengan beliau dan saya hairan dengan minatnya terhadap buku itu," kata Walter.

Beliau berkata 240 foto dalam buku-buku itu dipilih daripada 12,000 slaid yang dirakamkan oleh Deweerdt dan berdasarkan kepada kawalan kualiti yang tertinggi.

Walter mengeluarkan RM400,000 daripada poketnya sendiri untuk menerbitkan buku itu yang beliau berpendapat harus digunakan oleh warga Malaysia sebagai cenderamata kepada rakan-rakan asing mereka.

"Kita akan mencetaknya di sini jika ada permintaan dan ia akan dijual pada harga sekitar RM200 satu salinan," kata Walter, seorang ahli perbankan selama 32 tahun, yang mengambil cuti lima tahun untuk menyiapkan buku itu.

-- BERNAMA

SR FA AHH PR